



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

BUKIT BINTANG DAN TITIWANGSA MENJADI PROJEK PILOT ZON KEBERSIHAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

23 November 2013, Kuala Lumpur –YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor hari ini merasmikan Kempen Kebersihan Wilayah Persekutuan (WP). Susulan dari tiga masalah utama di Wilayah Persekutuan, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah menubuhkan Jawatankuasa Taskforce Perumahan, Lalu lintas dan Kebersihan untuk menentukan hala tuju, dasar serta menyelaras dan memantau pelaksanaan aktiviti bagi mengatasi masalah tersebut di Wilayah Persekutuan.

Kempen Kebersihan WP merupakan sebahagian daripada inisiatif program Taskforce Kebersihan dengan objektif untuk mendidik sikap mementingkan kebersihan disegenap lapisan warga Wilayah Persekutuan. KWP telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi kempen kebersihan sejak tahun 2010 lagi. Ini termasuklah program Gotong-royong Bukit Bintang 2011 serta Program Penilaian KPI Kebersihan antara kawasan perumahan DBKL 2012 . Pelbagai program lain diadakan secara berperingkat pada tahun 2013 ini termasuklah tindakan penguatkuasaan bersepada, pembasmian haiwan perosak, pemeriksaan ke premis-premis perniagaan makanan (restoran) dan tandas, pembasmian tikus dan yang terkini adalah kerja-kerja pembersihan Pasar Chow Kit. Program-program ini telah dapat menerapkan sikap kesedaran tentang pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar dan dapat meningkatkan penghayatan serta amalan gaya hidup bersih di persekitaran kejiranan sehinggalah ke unit kediaman di kalangan warga kota.

Kempen Kebersihan WP diteruskan lagi dengan mewartakan kawasan **Parlimen Bukit Bintang** dan **Parlimen Titiwangsa** sebagai **Zon Kebersihan** di WP KL. Kedua-dua kawasan parlimen ini dibahagikan kepada **6 Zon taskforce** utama

(Lampiran 1) yang dijadikan sebagai kawasan **Projek Pilot**. Kawasan-kawasan ini merupakan pusat tumpuan orang ramai di samping mempunyai tahap kebersihan yang sederhana. Pelbagai program/aktiviti (Lampiran 2) di Zon Kebersihan ini telah dirangka dan akan dilaksanakan bermula 23 November sehingga 31 Disember 2013.

Jawatankuasa Taskforce Kebersihan WP akan membuat penilaian dan pemantauan secara berterusan terhadap pelaksanaan program/aktiviti kebersihan yang berlangsung selama 39 hari di Zon Kebersihan tersebut. Sekiranya kawasan tersebut tidak mencapai tahap kebersihan yang ditetapkan, tindakan susulan akan diambil seperti menutup premis perniagaan, mengenakan denda dan sebagainya. Kempen Kebersihan WP ini turut mendapat sokongan dan kerjasama dari pelbagai organisasi seperti Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA), Alam Flora Sdn Bhd, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Pejabat Pelancongan Dan Kebudayaan Wilayah Persekutuan serta Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia.

Kempen yang bermatlamat supaya usaha pembudayaan kebersihan dapat dipupuk dan dilaksanakan dengan lebih realistik serta sistematik turut mengadakan sesi **engagement dengan penjaja, peniaga dan penduduk**. Ini bagi memastikan mereka akan terlibat secara langsung dalam setiap program/aktiviti kebersihan yang telah dirancang dan bukan hanya sekadar menjadi pemerhati. Program ini akan memberi kesan jangka panjang dari segi kebersihan persekitaran, keceriaan, keindahan dan kreativiti di samping menggalakkan penyertaan warga Wilayah Persekutuan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Seajar dengan *tagline* Kempen Kebersihan WP KL pada kali ini iaitu **Bersih & Ceriakan KL**, Kempen Kebersihan pada kali ini juga diadakan sebagai persiapan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2014 yang dijangka akan menarik kehadiran seramai 28 juta pelancong dari serata dunia. Pelaksanaan kempen kebersihan ini akan diteruskan di semua kawasan di Kuala Lumpur secara berperingkat.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
Kementerian Wilayah Persekutuan

23 November 2013

KUALA LUMPUR

Lampiran 2

Pengisian Program Dan Aktiviti Kempen Kebersihan WP

BIL	PROGRAM / AKTIVITI KEBERSIHAN
1	Program Mengelat Semula Bangunan Usang
2	Penguatkuasaan Terhadap Penjaja Yang Tidak Mematuhi Syarat Lesen DBKL
3	Penguatkuasaan Peraturan Kebersihan
4	Perubahan Struktur Haram Yang Dibina Tanpa Kebenaran DBKL
5	Program <i>Engagement</i> Dengan Pihak Penjaja Dan Peniaga
6	Kempen Tong Sampah Angkat
7	Kempen Pembersihan Iklan Haram
8	Penguatkuasaan Program <i>Grease Trap</i>
9	Program Pembasmian Tikus, Lipas, Lalat Dan Haiwan Terbiar
10	Program Pembersihan Jalan Dan Infrastruktur Lorong Belakang
11	Kempen Kesedaran Rating Kebersihan Premis Makanan